



SIARAN MEDIA

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK

***JPES meneruskan sesi muzakarah bersama Penghulu Mukim dan
Ketua Kampung bagi persediaan
Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021***

Tarikh: 16 Disember 2020

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, telah meneruskan sesi muzakarah bersama Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung di Daerah Tutong pada 16 Disember 2020 sebagai persediaan bagi pengendalian Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021. Sesi muzakarah bertujuan untuk memberi maklumat mengenai BPP 2021 dan seterusnya mengeratkan lagi kerjasama JPES dengan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung dalam sama-sama memastikan pelaksanaan banci berjalan dengan lancar dan teratur.

2. Hadir pada sesi muzakarah tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya – Zon 1 dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai – Zon 2. Juga hadir semasa sesi Muzakarah tersebut adalah Yang Mulia Hajah Mariah binti Haji Yahya, Ketua Pengarah JPES dan Yang Mulia Awang Abdul Kahar bin Haji Yahya, Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas, Jabatan Daerah Tutong. Taklimat mengenai BPP 2021 telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Bahrum bin Haji Kadun, Penolong Pengguna BPP 2021 bagi Daerah Tutong, dan diikuti dengan sesi soal jawab dan pemberitaan mengenai aktiviti operasi kerja-kerja luar banci.

3. Banci Penduduk dan Perumahan 2021, yang merupakan banci keenam bagi Negara Brunei Darussalam, akan dikendalikan dalam tiga (3) peringkat. Peringkat pertama ialah penyenaraian tempat kediaman (*houselisting*) mengikut kampung/kawasan di setiap daerah di seluruh Negara mulai 20 Januari 2021 hingga 21 Februari 2021. Peringkat kedua ialah pengendalian e-Census mulai 20 April 2021 hingga 21 Jun 2021. Manakala, peringkat ketiga adalah temuduga bersemuka mulai 20 Julai 2021 hingga 2 Ogos 2021.
4. Banci ini meliputi semua orang, samada rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau penduduk sementara yang tinggal di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021. Data yang dikumpul melalui BPP 2021 akan membekalkan maklumat yang komprehensif mengenai penduduk mengikut ciri demografi, sosial dan ekonomi, di samping maklumat mengenai jumlah stok tempat kediaman serta kemudahan atau keperluan asas perumahan.
5. Untuk sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021, boleh dirujuk ke JPES dengan menghubungi 2233344 semasa waktu pejabat atau e-mel ke support.brucensus@jpес.gov.bn. Maklumat lebih lanjut mengenai BPP 2021 juga boleh didapati di portal BPP 2021 www.brucensus.gov.bn.



PRESS RELEASE

DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS

JPES continues its dialogue session with the Penghulu Mukim and Village Heads for the preparation of the upcoming Population and Housing Census (BPP) 2021

Date: 16 December 2020

1. The Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy, in collaboration with the Tutong District Office, Ministry of Home Affairs, held a dialogue session with the Penghulu-Penghulu Mukim and Village Heads in the Tutong District on the 16th of December 2020 as preparation for the upcoming Population and Housing Census (BPP) 2021. The dialogue session aims to increase awareness on BPP 2021 and also acts as a platform to strengthen the good relationship between JPES and Penghulu-Penghulu Mukim as well as Village Heads in ensuring the smooth implementation of the upcoming Census.

2. Present during the dialogue session were members of the Legislative Council, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu for Mukim Tanjung Maya – Zone 1 and Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu for Mukim Telisai – Zone 2. Also in attendance was Yang Mulia Hajah Mariah binti Haji Yahya, Director General of JPES as well as the Acting Special Duties Officer for Tutong District Office, Yang Mulia Awang Abdul Kahar bin Haji Yahya. The presentation on BPP 2021 was given by Yang Mulia Awang Bahrum bin Haji Kadun, BPP 2021 Assistant Superintendent for Tutong District and was followed by a question-and-answer session and an information sharing session on the BPP 2021 field activities.

3. The Population and Housing Census 2021, which is the sixth census of its kind conducted in Brunei Darussalam, will be implemented in three (3) stages. The first stage is the houselisting stage by kampung/area in each district throughout the country running from 20 January 2021 until 21 February 2021. The second stage is the e-Census implementation from 20 April 2021 until 21 June 2021. Meanwhile, the third stage is face-to-face interview starting from 20 July 2021 until 2 August 2021.
4. The census will cover all persons, whether Brunei Darussalam citizens, permanent residents or temporary residents residing in Brunei Darussalam in 2021. Data collected through BPP 2021 will provide comprehensive information on the population by various demographic, social and economic characteristics as well as information on the total stock of living quarters together with basic housing facilities or amenities.
5. For any enquiries regarding BPP 2021, please refer to JPES by contacting 2233344 during office hours or email to support.brucensus@jpes.gov.bn. More information on BPP 2021 can also be found on the BPP 2021 portal www.brucensus.gov.bn.